

**PERMOHONAN UNTUK DILANTIK SEMULA
SEBAGAI PEGUAM SYARIE**

Peraturan 24(4) Peraturan-peraturan Peguam Syarie (Kedah darul aman) 2016

Seseorang peguam Syarie yang gagal memperbaharui Sijil Amalan Guaman Syarienya sehinggalah tamat tempoh dua belas bulan tidak akan dibenarkan untuk memperbaharui sijilnya dan namanya hendaklah dianggap sebagai telah dikeluarkan oleh Majlis dari daftar peguam Syarie; dan jika dia berhasrat supaya dilantik semula sebagai peguam Syarie, dia hendaklah memohon menurut peraturan 23.

Permohonan

- 1) Menyerah permohonan kepada Pengerusi Jawatankuasa Peguam Syarie Negeri Kedah seperti berikut (Peraturan 23(2):
 - i) Borang yang ditetapkan dalam Jadual 1;
 - ii) Surat sokongan oleh dua orang daripada mana-mana orang yang berikut:
 - (a) peguam Syarie yang berdaftar;
 - (b) peguam bela atau peguam cara yang berdaftar di bawah Akta profesion Undang-undang 1976 [Akta 166]; atau
 - (c) pegawai kerajaan dalam kumpulan pengurusan dan profesional.
 - iii) Akuan bersumpah:
 - (a) Tidak pernah disabitkan atas apa-apa kesalahan oleh mahkamah sivil di Malaysia atau di luar Malaysia; dan
 - (b) akuan bersumpah tidak pernah diisytiharkan bankrap atau didapati bersalah atas apa-apa perbuatan atau ketinggalan yang dinyatakan di bawah seksyen 33(6)(a), (b), (c), (d), (e), (f), (h), (k) atau (l) Akta Kebankrapan 1967 [Akta 360].

- iv) Afidavit yang menerangkan mengapa pemohon ingin dilantik semula untuk menjadi peguam Syarie.

- 2) Menampalkan satu salinan permohonan yang telah diakui terima oleh Pegerusi Jawatankuasa Peguam Syarie di papan notis Mahkamah Tinggi Syariah di Negeri Kedah selama satu bulan dan kemudian menyerahkan bukti penampalan kepada Jawatankuasa Peguam Syarie Negeri Kedah.

- 3) Membayar fi sebanyak RM1,000.00 (satu ribu ringgit) untuk Sijil Peguam Syarie setelah menerima pemakluman pelantikan semula sebagai Peguam Syarie. (Peraturan 23(3)).